

Faktor Kekuatan Sistem Pertahanan Negara Melalui Sorotan Sejarah Awal Islam

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam¹, M. Zaidi A. Rahman^{1*}

¹Academy of Islamic Studies, University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur Malaysia

*Corresponding Authors
mzaidi@um.edu.my*

Received: 19 February 2023

Accepted: 12 October 2023

Online First: 31 October 2023

ABSTRAK

Zaman sejarah awal Islam merupakan zaman keemasan yang telah menyaksikan kekuatan empayar Islam dibina secara berperingkat-peringkat. Antara faktor kekuatan tersebut ialah konsep pertahanan yang dilaksanakan untuk memelihara kedaulatan negara. Sungguhpun berada di awal tapak pembinaan sebuah negara berdaulat yang menyaksikan pelbagai kesukaran dan kepayahan ditempuhi, namun kejayaan Islam pada beberapa peristiwa peperangan telah membuktikan keupayaan pertahanan negara dalam mendepani ancaman musuh ketika itu. Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep pertahanan dalam Islam dan perlaksanaannya pada zaman sejarah awal Islam. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi analisis kandungan tekstual dan kajian sejarah. Data yang diperolehi dianalisis secara deduktif dan induktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep pertahanan pada zaman sejarah awal Islam merupakan satu sistem yang dinamik dan teratur dalam mengurus tadbir ketenteraan dan keselamatan dalam negara dan sentiasa siaga dalam menghadapi ancaman luar daripada pihak musuh. Lebih menarik lagi, di antara faktor yang mempengaruhi keutuhan konsep pertahanan tersebut adalah kekuatan kelengkapan ketenteraan yang disifatkan sebagai terkehadapan pada waktu itu serta kesiap siagaan



masyarakat yang tidak berbelah bahagi dalam mempertahankan kedaulatan negara. Hal yang demikian juga membolehkan konsep pertahanan dalam sejarah awal Islam dapat dijadikan sebagai model cemerlang kepada sistem pertahanan negara moden pada masa kini.

Katakunci: kedaulatan negara, ketenteraan, pertahanan, sejarah Islam

Strength Factor of the National Defence System in the Early Islamic History

ABSTRACT

The early Islamic history is a golden period that witnessed the growth in strength of the Islamic empire. Among the factors was the concept of defence to protect the country's sovereignty. Despite the challenges faced at the beginning of the establishment of a sovereign country, the victory of Islam in multiple war events has demonstrated the country's defensive capabilities in confronting the enemy threats at that time. Therefore, this article discusses the concept of defence in Islam and its implementation in the early Islamic era. This article employs a qualitative research approach based on textual content analysis and historical study. The data collected were deductively and inductively evaluated. The study reveals that the concept of defence in early Islamic history was a dynamic and well-structured system that managed the country's military administration and security within the state, and it constantly prepared to confront external challenges from enemies. More interestingly, the military equipment was considered advanced at that time, as well as the readiness of the unified society in defending national sovereignty. This also enables the concept of defence in early Islamic history to be an excellent example for the modern-day national defence system today.

Keywords: defence, Islamic history, military, national sovereignty

PENDAHULUAN

Konsep pertahanan merupakan salah satu dasar dan polisi kenegaraan yang dilaksanakan pada zaman sejarah awal Islam khususnya di dalam negara Islam Madinah. Perlaksanaannya berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut situasi dan perubahan zaman yang melibatkan peralihan kuasa pemerintahan konteks *nubuwwah* zaman Nabi Muhammad kepada konteks pemerintahan bersifat kekhilafahan iaitu zaman *Khulafa' al-Rashidin*. Polisi tersebut begitu signifikan dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara daripada sebarang

ancaman pihak musuh melalui beberapa siri peperangan yang berlaku. Di antara faktor yang menyumbang terhadap kekuatan konsep pertahanan pada sejarah awal Islam ialah kekuatan kelengkapan ketenteraan dan kesiap siagaan masyarakat. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa faktor-faktor tersebut merupakan inspirasi terbaik untuk dijadikan ikutan tauladan buat konsep pertahanan moden masa kini. Pertahanan dalam bahasa Arab merujuk kepada perkataan *al-difa`* yang juga mempunyai konotasi dan maksud yang pelbagai. perkataan *al-difa`* berasal daripada suku kata perbuatan dalam bahasa Arab iaitu *dafa`a*, *yudafi`u*, *difa`an wa mudafa`atan* yang membawa maksud ‘pertahan’, ‘mempertahankan’ dan ‘pertahanan’. Menurut Ibn Manzur (1993), perkataan *al-difa`* secara umumnya bermaksud melepaskan sesuatu dengan kekuatan iaitu mengikut rukun *al-difa`* itu sendiri iaitu kekuatan.

Sesungguhnya aspek pertahanan dan ketenteraan yang kukuh dalam sebuah negara Islam amat penting bagi menjamin keutuhan dan keselamatan di samping dapat memelihara kedaulatannya daripada ancaman musuh luar. Sebaliknya, kelemahan dalam sistem pertahanan dan ketenteraan negara merupakan salah satu faktor utama keruntuhan bagi sesebuah kerajaan seperti mana yang direkodkan oleh sejarah lampau tamadun dunia (Ibrahim & Rozali, 2017). Oleh yang demikian, pengukuhan institusi ketenteraan dan mengasaskan angkatan tentera yang mampu menjadi benteng kepada agama Islam dan negara ialah antara perkara utama yang dilakukan oleh Nabi Muhammad selepas berhijrah ke Madinah. Ianya juga melibatkan bukan sahaja anggota tentera malah masyarakat awam Madinah yang turut serta berganding bahu mempertahankan kedaulatan negara (Salleh & Khalid, 1996).

Di dalam surah al-Anfal: 60 Allah berfirman:

“Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggetarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, tetapi Allah mengetahuinya”.

(al-Anfal, 8: 60)

Ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa Allah memerintahkan umat Islam supaya sentiasa bersedia dalam apa jua keadaan ketika menghadapi ancaman daripada musuh. Hal yang demikian menurut al-Qurtubi (1990) di dalam kitab tafsirnya, persediaan rapi yang dimaksudkan adalah strategi dalaman yang memberikan kebaikan kepada tentera Islam serta memberikan keburukan kepada pihak musuh. Hujah ini disokong oleh al-Zuhayli (2014), di mana Allah mengarahkan setiap mukmin supaya bersedia dengan kelengkapan

peperangan yang bersesuaian mengikut keadaan dan zaman, dan kesiap siagaan tentera pada tahap yang tertinggi untuk melindungi ummah daripada sebarang ancaman. Manakala menurut Faris (1993) pula, maksud tafsiran secara lebih mendalam seperti persediaan menghadapi peperangan adalah wajib. Persediaan yang kuat adalah secara berjemaah dan persediaan bukan sahaja terhadap tentera malah meliputi aspek-aspek penting yang lain seperti kelengkapan, keutuhan ekonomi, serta kekuatan mental dan spiritual.

Mempertahankan kedaulatan negara adalah *kefardhuan* ke atas setiap Muslim. Ianya wajib untuk dilaksanakan untuk melindungi tanah air, maruah dan harta serta jauh sekali daripada sebarang pencabulan dan kezaliman tanpa hak (Rabbih, 1982). Menurut Fazdil (2001), kewajipan ini terkandung dalam skop *fardhu* jihad seperti melaksanakan kemaslahatan am dan ianya mengikut kemampuan masing-masing. Malah perbuatan mempertahankan negara daripada ancaman musuh-musuh luar adalah termasuk perbuatan yang mulia di sisi Islam dan diberikan ganjaran pahala yang besar oleh Allah seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis Nabi Muhammad:

“Ribat (menjaga perbatasan wilayah Islam daripada serangan musuh-musuh Islam) sehari semalam lebih baik daripada puasa sunnah dan solat sunnah sebulan penuh, dan jika seorang murabbid mati di tengah ia melakukan ribat, maka amal perbuatannya itu akan terus berpahala, dan ia diberikan rezekinya di syurga kelak, serta tidak ditanya di dalam kubur.”

(Muslim, 1990)

KAJIAN LITERATUR

Perbincangan mengenai ketenteraan dan peperangan Islam banyak dikupas melalui karya agung ilmuwan silam dan kontemporari. Manakala konsep pertahanan tidak dikupas secara khusus. Namun, strategi serta perlaksanaannya berlaku melalui peristiwa peperangan yang direkodkan di dalam sejarah awal Islam. Di antara karya-karya klasik yang membincangkan tentang sejarah peperangan adalah seperti tulisan Ibn Hisham (2013), Ibn Ishaq (2004), Ibn Kathir (2001), dan al-Waqidi (2001). Kesemua karya yang dinyatakan membincangkan sejarah kehidupan Nabi Muhammad secara komprehensif termasuklah elemen jihad dan peperangan (*maghazi* dan *saraya*). Manakala karya al-Tabari (t.t), digambarkan oleh para sarjana sebagai pelengkap kepada kitab sirah Nabi Muhammad dan kerajaan Islam yang merangkumi segala analisis strategi ketenteraan dan peperangan pada waktu zaman tersebut.

Karya moden dan kontemporari seperti al-Buttush (2014) membincangkan penstrukturan ketenteraan mengikut panduan sunnah Nabi Muhammad. Ianya amat menarik sekali dalam menfokuskan pembinaan kekuatan pertahanan dalam sejarah awal Islam. Karya tulisan Faris (1993) pula membahaskan peranan Nabi Muhammad membentuk jati diri ketenteraan dalam sistem pertahanan negara. Manakala Jamsari et al. (2013), telah membahaskan dengan terperinci rentetan sejarah pertahanan Islam khususnya pada zaman sejarah awal Islam berdasarkan tulisan karya agung sejarawan Islam Ibn Kathir yang bertajuk *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Terdapat satu penulisan yang agak menarik karya Ibrahim & Rozali (2017) yang menumpukan kepada kecekapan tadbir urus ketenteraan dan pertahanan pada zaman Nabi Muhammad. Kesan daripada kecekapan tersebut telah menyebabkan pembentukan negara yang harmoni dan stabil. Selanjutnya, tulisan Zamani (1991), Faraj (1972), dan Zahiri (1981) lebih menerangkan tentang kebanyakan karya-karya peperangan pada zaman sejarah awal Islam. Yang diambil kira di sini adalah sistem pertahanan dan keselamatan yang berlaku pada zaman tersebut yang menjadi paksi perlindungan ketika berlaku peperangan.

Terdapat juga karya yang menjelaskan tentang kehebatan Nabi Muhammad sebagai ketua atau panglima yang memimpin bala tentera Islam mempertahankan kedaulatan Islam dan negara daripada dicerobohi oleh pihak musuh. Di antaranya ialah seperti tulisan Khattab (2007) dan Armush (1991) yang memperincikan peranan Nabi Muhammad sebagai ketua negara Islam Madinah yang mencakupi pelbagai aspek. Tetapi yang menjadi kepentingan untuk pengkaji adalah peranan Nabi Muhammad sebagai ketua turus aspek ketenteraan dan pertahanan negara yang merangkumi elemen-elemen kesiapan masyarakat untuk mempertahankan negara, kelengkapan ketenteraan, pemantapan kerohanian dan strategi peperangan menentang pihak musuh.

Walaupun terdapat banyak karya yang membincangkan sejarah peperangan dan ketenteraan pada zaman sejarah awal Islam, namun amat kurang kajian berkenaan konsep pertahanan dikaji secara mendalam melibatkan tatacara, pelaksanaan dan faktor yang mempengaruhinya. Justeru, kajian ini sangat bermanfaat kepada umat Islam secara khususnya untuk mengetahui dengan lebih mudah konsep pertahanan berdasarkan analisis kandungan yang berlaku di dalam sejarah awal Islam.

FAKTOR KEKUATAN PERTAHANAN DALAM SEJARAH AWAL ISLAM

Pada zaman sejarah awal Islam telah menyaksikan kehebatan sistem pertahanan negara yang kukuh dan stabil yang berpandukan kepada beberapa aspek seperti pelaksanaan sistem tabir urus terbaik (*good governance, siyasah al-syar`iyyah*) (Al-Qardhawi, 2009) serta pengenalan konsep *al-mujtama`at al-madaniyyah* yang menghubungkan nilai-nilai murni dan keadilan (Amir, 2009). Ianya merupakan keistimewaan negara Islam yang mendahului sistem kenegaraan zaman sebelumnya seperti tamadun Rom, Mesir kuno, Parsi, Mesopotamia dan lain. Hal yang demikian ditegaskan oleh Rahman (2018) di dalam penulisannya bahawa Islam telah menyusun atur hidup manusia secara sempurna berdasarkan wahyu ilahi dan akal yang waras, berbeza dengan pendekatan tamadun sebelum Islam khususnya barat yang bergantung kepada sumber akal dan pengalaman hidup untuk mencorak sistem kehidupan mereka. Atas dasar tersebut, terdapat dua faktor yang mempengaruhi kekuatan konsep pertahanan dalam sejarah awal Islam iaitu kekuatan kelengkapan ketenteraan dan kesiap siagaan masyarakat. Faktor pertama seperti berikut:

KEKUATAN KELENGKAPAN KETENTERAAN

Kelengkapan ketenteraan mempunyai pengaruh yang kuat bagi membina sistem pertahanan yang utuh. Penyediaan kelengkapan ini lazimnya tertakluk kepada keadaan dan situasi sesebuah kerajaan. Antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan itu termasuklah gaya dan corak pemerintahan, syarat-syarat kelayakan anggota tentera, iklim sebuah negara, keadaan dan bentuk muka bumi dan lain-lain (al-Mubarak, 1997). Sebagai contoh, pada permulaan Islam bertapak di Madinah, belum wujud lagi sistem pertahanan yang memiliki struktur ketenteraan yang seragam dan sistematik. Kebanyakan tentera adalah dalam kalangan rakyat awam yang bekerja sebagai peniaga, petani dan lain-lain sehingga tiada istilah angkatan tentera tetap. Di samping itu, sumber kewangan untuk kelengkapan ketenteraan hasil daripada derma dan infaq daripada kalangan orang Muslim berjiwa murni untuk membantu (Armush, 1991). Hal ini ditegaskan oleh al-Waqidi (2001) bahawa kekuatan sistem pertahanan dan ketenteraan Islam pada permulaannya berada di dalam keadaan belum sempurna jika hendak dibandingkan dengan kekuatan yang dimiliki oleh kerajaan Rom dan Parsi pada waktu ketika itu. Ianya disebabkan oleh faktor perubahan suasana dan keadaan tempat tinggal yang baru yang memerlukan penyesuaian berperingkat berserta faktor kelayakan masyarakat untuk terlibat di dalam peperangan.

Nabi Muhammad berjaya membentuk struktur pertahanan negara yang kukuh di bawah pimpinan baginda seperti yang termaktub di dalam Piagam Madinah. Kebijaksanaan Nabi Muhammad mentadbir urus pertahanan dan ketenteraan Madinah merupakan kesan permulaan kegemilangan empayar Islam dan seterusnya tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Kegemilangan tamadun Islam bermula pada zaman Nabi Muhammad juga dilihat pada dasar kerajaan dalam menyatukan rakyat pelbagai kaum untuk turut serta berganding bahu mempertahankan kedaulatan negara (Abidin & Mujani, 1999). Oleh yang demikian, di bawah adalah ciri-ciri bagi prinsip kekuatan kelengkapan ketenteraan:

a) Struktur Organisasi Ketenteraan yang Sistematis

Kelicinan pentadbiran dan kesempurnaan pengurusan yang diketuai oleh Nabi Muhammad menjadikan negara Madinah sebagai negara Islam terbaik pernah dibangunkan dalam catatan sejarah awal Islam. Segala bentuk reformasi merangkumi hal ehwal sosial, ekonomi, pendidikan, kebajikan dan lain-lain dilakukan secara rasional dan menepati panduan wahyu Ilahi. Keadaan ini telah menyumbang kepada kestabilan politik dalaman dan luar negara serta mengukuhkan daya tahan juang masyarakat pelbagai kaum yang tinggal di dalam Madinah. Reformasi turut dilakukan terhadap sektor pertahanan negara dengan memperkembangkan perkhidmatan ketenteraan dengan melantik ahli yang layak untuk mempertahankan kedaulatan negara (Amir, 2009). Perkara ini dapat dilihat bagaimana Nabi Muhammad menyusun atur sistem pertahanan negara berasaskan kepada kaedah organisasi ketenteraan yang teratur dan sempurna. Ianya bersesuaian dengan istilah yang digunakan terhadap organisasi ketenteraan yang bersifat *regimental* bertujuan untuk memandu ke arah kesepaduan dan ketumbukan yang seragam di dalam sesuatu operasi ketenteraan (Armush, 1991).

Pada dasarnya, sistem pertahanan pada zaman Nabi Muhammad terbahagi kepada dua komponen iaitu pentadbiran pertahanan pusat dan pentadbiran pertahanan wilayah. Pentadbiran di pihak pusat dikendalikan oleh Nabi Muhammad sendiri selaku ketua turus angkatan tentera, manakala pentadbiran wilayah diuruskan oleh gabenor-gabenor wilayah yang dilantik (Faris, 1993). Hal yang demikian berlaku adalah untuk memastikan kelancaran pentadbiran dan seterusnya mempermudah proses kerahan pergerakan tentera. Namun, di dalam keadaan tertentu, pihak pentadbiran pusat berhak mengambil alih kuasa pentadbiran pertahanan wilayah seperti mana yang berlaku kepada penduduk Yaman pada tahun 9 Hijrah. Pentadbiran pusat telah menghantar sepasukan tentera diketuai oleh `Abdullah Ibn Abi Rabi`ah demi menjaga keselamatan wilayah dan penduduknya (Ibn Athir, 2000).

Seterusnya, elemen kesiap siagaan ketenteraan melalui pembahagian kerahan kumpulan tempur turut berlaku pada zaman Nabi Muhammad. Ianya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu yang pertama dikenali sebagai *al-`Urafa`* yang merupakan kumpulan kecil tentera seramai sepuluh orang yang diketuai oleh *`arif* (Ibn Athir, 2000). Kedua, bahagian yang dikenali sebagai *al-nuqaba`* merupakan sebuah pasukan yang lebih besar berbanding sebelum ini yang dianggotai seramai seratus anggota tentera diketuai oleh seorang ketua bernama *naqib*. Menurut Ibn Qutaybah (2002), peranan *al-Naqib* yang juga dikenali sebagai *amir al-`ashirah* adalah untuk mengetuai kerahan tentera ketika berlaku pertempuran. Di samping itu, ianya juga bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan anggota bawahannya sambil dibantu oleh *`arif* yang memantau sepuluh anggota di bawahnya. Bahagian pasukan yang terakhir dikenali sebagai *al-Katibah*. Ianya bermaksud satu batalion pasukan yang memiliki seramai antara beratus-ratus sehingga beribu-beribu anggota tentera. Menurut catatan al-Tabari (t.t), kali pertama bahagian ini diperkenalkan adalah ketika peristiwa pembukaan kota Mekah (*fath al-makkah*) yang di mana Nabi Muhammad mengumpulkan Muhajirin dan Ansar dalam satu batalion besar untuk mara menuju ke Mekah. Menurut al-Shirazi (1995) pula, batalion ini juga dikenali dengan panggilan *al-katibah al-hadid* (batalion besi). Hal yang demikian kerana Nabi Muhammad melihat pakaian perang mereka disaluti besi dan warnanya seakan-akan hijau dan hitam.

Pada zaman Nabi Muhammad, baginda telah menyusun atur sistem ketenteraan yang dibahagikan kepada pelbagai bidang organisasi yang mengikut jenis kepakaran dan kesiap siagaan anggota (Zamani, 1991). Ianya bersifat konstruktif yang terdiri daripada panglima angkatan perang (*al-`umara` al-saraya*), pasukan khusus yang terlatih (*al-`arz*), pentadbir senjata dan pasukan berkuda (*ashab al-silah wa al-fars*), angkatan sayap (*`umara` al-khamis*), pembawa panji perang (*ashab al-`awiyah wa al-rayat*), pasukan peninjau (*tali`ah*), pasukan pengintip (*`uyun*), pengawal malam (*haras*) serta pemandu arah (*dalil*) (al-Waqidi, 2001). Sebagai contoh pemandu arah adalah terdiri dalam kepelbagaian lapisan penduduk di Madinah yang berusaha untuk mempertahankan kedaulatan negara yang bertanggungjawab untuk menentukan jarak, arah dan lokasi musuh secara tepat kepada tentera Islam (Zahiri, 1981).

Di dalam medan pertempuran, Nabi Muhammad telah mengaplikasi sistem lima penjuru yang dikenali sebagai *nizam al-khamis* yang di mana tentera Islam dibahagikan kepada lima bahagian iaitu barisan hadapan (*muqaddamah*), sayap kanan (*maimanah*), sayap kiri (*maisarah*), barisan belakang (*saqah*) dan kedudukan pusat (*qalb*) (Zahiri, 1981). Sistem ini juga dikenali sebagai *ta`biyah* yang bermaksud kerahan dengan bertujuan untuk

memastikan barisan tentera lebih tersusun serta bersedia untuk berhadapan dengan musuh (al-Buttush, 2014). Kesemua sistem penyusunan sewaktu peperangan ini menurut Ibn Khaldun (1993) berasaskan kepada sistem *al-karr wa al-farr* yang bermaksud serangan dan pengunduran yang berlaku tidak lama sebelum Islam muncul di tanah Arab.

Pengaplikasian sistem ini membuktikan kebijaksanaan Nabi Muhammad dalam menyusun atur barisan ketenteraan secara sistematik. Ini dapat dibuktikan di dalam sistem *nizam al-khamis* ini di mana peranan pusat (*qalb*) adalah tempat yang diletakkan khemah khas bagi panglima angkatan tentera Nabi Muhammad untuk mengawal selia peperangan seperti yang berlaku di dalam peperangan Badar (Ibn Khaldun, 1993; al-Waqidi, 2001). Peranan barisan hadapan (*muqaddamah*) ialah untuk melindungi pusat kawalan dengan diletakkan seorang panglima dan seorang pembawa bendera. Bantuan perlindungan juga diperoleh daripada sayap kanan (*maimanah*) dan sayap kiri (*maisarah*) yang masing-masing mempunyai seorang ketua khusus peperangan. Manakala peranan barisan belakang (*saqah*) pula adalah untuk menyediakan bekalan dan kelengkapan ketenteraan di samping menjadi pemerhati keseluruhan pasukan samada dalam keadaan aman mahupun ketika pertempuran (al-Waqidi, 2001).

Perlaksanaan sistem ini juga turut dicatatkan dalam peperangan Islam yang lain seperti peperangan Uhud yang di mana para sahabat memainkan peranan penting dalam menggalas tugas bagi setiap posisi yang dipertanggungjawabkan (Jamsari et al., 2013). Menurut Ibn Athir (2000) dan al-Waqidi (2001), barisan hadapan telah diketuai oleh Hamzah Ibn `Abd al-Mutallib iaitu bapa saudara Nabi Muhammad. Sayap kiri pula diketuai oleh al-Munzir Ibn `Amr dan akhir sekali Safwan Ibn al-Mu`attal pula mengetuai barisan belakang.

Selepas zaman Nabi Muhammad, ketika pemerintahan *Khulafa' al-Rashidin* dan pemerintahan empayar-empayar Islam seterusnya, telah diwujudkan satu jabatan yang mengendalikan hal ehwal pertahanan dan ketenteraan yang dikenali sebagai *diwan al-jund*. Ianya berfungsi sebagai kementerian pertahanan pada zaman moden masa kini. Umar al-Khattab adalah individu yang bertanggungjawab mengasaskan *diwan al-jund* dan mengelola segala aspek pertahanan dan ketenteraan untuk memudahkan segala urusan kerajaan. *Diwan* ini juga turut bertanggungjawab dalam memastikan beberapa perkara dilaksanakan antaranya ialah penyertaan tentera direkodkan, pemberian gaji kepada tentera, wang pampasan diberikan kepada ahli keluarga tentera yang terkorban sewaktu berperang, menyediakan kelengkapan ketenteraan seperti persenjataan mahupun perlindungan dan akhir sekali memantau keadaan

kelengkapan daripada sudut kuantiti dan kualiti agar sentiasa dalam keadaan sempurna (al-Mawardi, 2006).

Justeru, setiap bahagian mempunyai peranan dan kepakaran masing-masing yang telah direkodkan oleh ahli sejarah. Kehebatan setiap bahagian mahupun pasukan telah memberi kesan yang positif terhadap kemampuan angkatan tentera Islam dalam mendepani ancaman pihak musuh dan seterusnya berjaya memberikan kemenangan terhadap agama Islam.

b) Jenis-Jenis Kelengkapan Persenjataan

Aplikasi pertahanan melalui aspek fizikal iaitu persenjataan ini merupakan salah satu syarat yang penting untuk mengukuhkan benteng pertahanan negara selepas pembangunan aspek spiritual. Ianya memberikan kesan positif kepada sebuah negara Islam yang maju dalam sistem persenjataan dan pada masa yang sama memberikan kesan yang negatif kepada pihak musuh. Penggunaan teknologi persenjataan yang lengkap dan sistematik sebagai persediaan untuk menghadapi ancaman musuh adalah selari dengan al-Quran surah al-Anfal: 60 di mana Allah memerintahkan umat Islam supaya bersiap sedia dengan segala kekuatan dalam apa jua keadaan mengikut kemampuan masing-masing. Qutb (2003) dalam menafsirkan ayat ini berpendapat bahawa umat Islam harus bersedia dalam apa jua keadaan sekalipun dengan segala kekuatan yang wujud di samping teknologi persenjataan yang berubah mengikut perubahan zaman. Tujuannya menurut beliau lagi adalah untuk menggerunkan pihak musuh samada luaran ataupun dalaman sebelum bermulanya peperangan.

Nabi Muhammad telah mengaplikasikan teknologi persenjataan ini dengan mempersiapkan alat-alat kelengkapan perang yang terbaik bersesuaian dengan tahap teknologi pada zaman tersebut. Selain itu, Nabi Muhammad juga mempersiapkan diri dan sahabat-sahabat baginda dengan ilmu peperangan dan penggunaan senjata. Langkah yang dibuat oleh baginda ini sangat bijak setelah para sahabat dididik dengan keimanan yang mantap berserta dengan pegangan akidah yang kuat (Ibrahim & Rozali, 2017). Kebijaksanaan Nabi Muhammad dalam menguatkan benteng pertahanan negara Islam Madinah pada ketika itu dapat dilihat daripada segi kemampuan persenjataan dan formasi ketenteraan yang bukan hanya tertakluk kepada ciptaan orang Arab sahaja. Tetapi baginda sendiri pernah bertindak menghantar dua utusan daripada kalangan sahabat iaitu `Urwah Ibn Mas`ud dan Ghailan Ibn Salamah ke Jarash (sebuah penempatan di bawah kerajaan Rom) untuk mempelajari teknik pembuatan *manjaniq*, *dabbabah* dan *dabbur* (Ibn Hisham, 2013; Mahfuz, 1985).

Terdapat beberapa hadis Nabi Muhammad yang membicarakan tentang penggunaan senjata yang terpilih dalam konteks pertahanan dan peperangan. Sesungguhnya kekuatan sesebuah senjata itu adalah pada balingan dan tujuhan sepertimana hadis riwayat `Uqbah Ibn `Amir, beliau mendengar Nabi Muhammad bersabda:

“Bersiap sediaanlah untuk menghadapi mereka dengan sekuat tenaga yang kamu mampu. Sesungguhnya kekuatan itu adalah memanah, kekuatan adalah memanah, kekuatan adalah memanah!”

(Muslim, 1990, 3:1552).

Salah satu faktor keutuhan benteng pertahanan negara adalah kerana kecergasan fizikal yang dimiliki oleh angkatan tentera yang menjaga kedaulatan negara. Dalam hal ini, Nabi Muhammad telah menggalakkan para sahabat untuk melibatkan diri dalam beberapa aktiviti jasmani seperti memanah, menunggang kuda dan berenang bertujuan untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan mental serta boleh memberikan perasaan yang gerun kepada pihak musuh (Khattab, 2007; al-Buttush, 2014). Hadis Nabi Muhammad yang menyarankan untuk terlibat dalam perihal aktiviti jasmani tersebut ialah:

Diriwayatkan oleh Salamah Ibn al-Aku berkata: ketika Nabi Muhammad melalui sekumpulan manusia dalam kalangan Banu Aslam, Nabi Muhammad berkata: “Memanahlah wahai anak keturunan Bani Isma`il, kerana ayah kalian semua adalah seorang pemanah”.

(al-Bukhari, 1981, 6:179)

Nabi Muhammad bersabda:

“Setiap sesuatu perkara yang tidak disekalikan dengan zikir kepada Allah, maka ia adalah perbuatan yang sia-sia melainkan empat perkara iaitu: bergurau senda sesama suami isteri, seorang yang menunggang kuda, seorang yang berlatih memanah dan mengajar seseorang untuk berenang”.

(al-Nasa’i, 2001, 7:987)

Dalam membahaskan aspek fizikal iaitu melalui teknologi persenjataan ini, ianya merupakan dua dimensi yang berbeza iaitu pada zaman dahulu dan pada zaman sekarang. Teknologi persenjataan pada zaman dahulu boleh dikatakan tidak secanggih dengan teknologi pada zaman sekarang. Namun,

perkara tersebut tidak boleh dibandingkan memandangkan isu penggunaan senjata tersebut mengikut keperluan semasa dan keadaan. Sebagai contoh, hadis Nabi Muhammad riwayat Muslim tentang maksud kekuatan dalam al-Quran surah al-Anfal: 60 tersebut dikaitkan dengan kekuatan memanah sebagai wasilah yang wujud pada waktu ketika itu (al-Qardhawi, 2009). Namun, dalam konteks zaman moden masa kini, tujuan asal wasilah itu perlu dikekalkan cuma dalam konteks aplikasi wujud perubahan yang sangat ketara dengan kewujudan teknologi senjata yang baharu seperti penggunaan artileri, mortar, roket dan alat-alat senjata moden yang lain.

c) **Latihan Ketenteraan Yang Berterusan**

Faktor yang ketiga ini merupakan elemen yang penting dalam menguatkan sistem pertahanan negara. Pada dasarnya, sebuah negara Islam yang mempunyai sistem pertahanan yang kukuh dan maju bukan hanya bergantung kepada kekuatan kelengkapan ketenteraan dan teknologi peperangan semata-mata, tetapi ianya juga bergantung kepada pematapan latihan ketenteraan yang berterusan kepada anggota tentera (al-Ghadban, 1990). Hal yang demikian kerana hanya anggota tentera yang terlatih sahaja yang mempunyai semangat juang yang tinggi, kecekalan daripada sudut mental dan fizikal serta mempunyai pengetahuan yang luas terhadap selok belok peperangan. Ciri-ciri yang dinyatakan tersebut selari dengan hadis Nabi Muhammad yang menyatakan bahawa peperangan itu adalah tipu daya. Sabda Nabi Muhammad:

“Perang itu adalah tipu daya/helah”.

(al-Bukhari, 1981, 3:1102)

Menurut Ibn Hajar (2003) dalam mensyarahkan hadis di atas menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan tipu daya atau helah itu ialah anjuran untuk menggunakan akal fikiran sebaik-baiknya dalam menghadapi musuh. Bahkan ianya lebih baik daripada hanya mempunyai keberanian. Beliau menghujahkan lagi dengan menukulkan pendapat Ibn al-Manayyar yang mengatakan bahawa peperangan yang terbaik adalah menggunakan tipu helah daripada berhadapan dengan pihak musuh. Hal ini kerana yang kedua mendatangkan risiko bahaya yang lebih tinggi, sedangkan kemenangan boleh dicapai melalui muslihat yang dilakukan tanpa perlu berhadapan dengan musuh.

Atas dasar tersebut, jelas bahawa kekuatan spiritual, mental dan fizikal wajib tersemat dalam sanubari seorang anggota tentera. Nabi Muhammad amat menekankan soal ibadah dalam memupuk kerohanian dalam diri anggota tentera. Kekuatan rohani perlu diperkemas dahulu berbanding fizikal kerana ianya adalah asas kepada keteguhan keimanan yang membawa kesan positif

terhadap jati diri anggota (al-Ghadban, 1990; Khattab, 2007). Kewajipan melaksanakan tuntutan solat dan puasa merupakan natijah positif kepada disiplin dan perwatakan anggota tentera. Hal ini kerana dengan melaksanakan kedua-dua ibadah tersebut melatih diri anggota untuk kekal fokus dan dan tabah serta sabar menghadapi kesusahan.

Setelah kekuatan rohani diserapkan ke dalam diri setiap anggota tentera, maka kekuatan fizikal menjadi taruhan dalam memastikan setiap anggota sentiasa di dalam keadaan cergas dan fokus ketika menghadapi peperangan. Malah, kekuatan fizikal bukan hanya dituntut ketika peperangan, tetapi dalam keadaan aman sekalipun kesiapan siagaan anggota ditagih demi mempertahankan kedaulatan negara. Disebabkan hal yang demikian, anggota tentera perlu menjalani latihan yang berterusan demi kelangsungan fokus dan tumpuan terhadap tugas-tugas serta keupayaan seperti berikut (al-Mubarak, 1997):

- i. Latihan penggunaan senjata dan kelengkapan ketenteraan.
- ii. Latihan berterusan mengenai kepelbagaian strategi dan taktik peperangan di samping menguasai ilmu berkenaan kekuatan dan kelemahan musuh.
- iii. Latihan fizikal seiring dengan latihan kekuatan rohani bagi menguatkan jati diri dan keimanan anggota tentera.
- iv. Latihan mengenai perlindungan terhadap masyarakat awam, infrastruktur dan aset-aset berharga negara. Dalam erti kata lain bermaksud ilmu berkenaan dengan etika peperangan.

Kesemua tugas dan keupayaan yang dinyatakan di atas memainkan peranan penting dalam mengukur kemampuan institusi ketenteraan dalam sebuah negara Islam. Menurut Burhanuddin (Temubual, 2020), peranan pemerintah dalam mencorakkan budaya latihan ketenteraan yang seimbang antara rohani dan fizikal ditagih dalam mengukuhkan jati diri anggota serta bertepatan dengan *syari`ah*. Atas dasar penyatuan tersebut telah membuktikan bahawa kemenangan berpihak kepada Islam di samping wujud suatu perasaan keimanan yang kuat menyatakan bahawa pertolongan itu datang daripada Allah jua. Hal yang demikian membezakan antara tentera Islam dan tentera kafir dalam perihal aqidah dan keimanan yang menjadikan yang pertama kuat daripada segi rohani dan jasmani, manakala sebaliknya tidak berlaku terhadap yang kedua.

KESIAPSIAGAAN MASYARAKAT

Di dalam membahaskan faktor kedua yang mempengaruhi kekuatan pertahanan dalam sejarah awal Islam, peranan masyarakat samada warganegara atau bukan

warganegara yang tinggal di dalam sebuah negara Islam dianggap penting dalam melestarikan capaian keamanan dan kemakmuran negara. Batu asas kepada pencapaian ini dilihat atas dasar kekuatan jati diri masyarakat dan perpaduan antara kaum serta menolak mentah persepsi negatif yang bakal timbul (Stapa et al., 2012). Hal ini kerana dalam mempertahankan kedaulatan negara perlu kepada usaha semua individu mahupun masyarakat tanpa mengira latar belakang, status-quo, warna kulit dan sebagainya. Oleh yang demikian, antara sebab-sebab berlaku kesiap siagaan masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan negara adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:

a) Semangat Cintakan Agama dan Negara

Sebuah negara Islam yang mempunyai kepelbagaian masyarakat dan kaum wajib menerapkan kepada mereka elemen kecintaan kepada agama dan negara. Semangat cintakan agama dan negara merupakan dua perkara berbeza mengikut konteks kepelbagaian agama dan kaum di dalam sebuah negara. Cinta agama (*hifz al-din*) sebagai satu prinsip penting di dalam *maqasid syari'ah* menekankan kewajipan memelihara agama Islam daripada diganggu oleh musuh-musuh Islam. Manakala cintakan negara merupakan salah satu nilai tambahan terhadap individu dan masyarakat dalam menyemai budaya patriotisme positif (Naim & Kamaruddin., 2003). Terdapat satu pepatah Arab mengatakan *hubb al-watan min al-iman* yang bermaksud cintakan negara merupakan sebahagian daripada iman. Intipati daripada pepatah Arab tersebut sebenarnya selari dengan apa yang di alami oleh Nabi Muhammad ketika mana baginda merasa rindu dengan tanah kelahirannya iaitu Mekah. Hal tersebut telah diceritakan di dalam al-Quran surah al-Qasas: 85 sebagaimana firman Allah:

“Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) al-Qur’an (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai. Katakanlah (kepada kaum yang menentangmu), Tuhanku amat mengetahui akan sesiapa yang membawa hidayah petunjuk dan sesiapa pula yang berada dalam kesesatan yang nyata”.

(al-Qasas, 28: 85)

Menurut al-Qurtubi (1990) di dalam tafsirnya, ayat al-Quran di atas diturunkan kepada Nabi Muhammad ketika di dalam perjalanan hijrah ke Madinah, Nabi Muhammad lalu sampai di tempat bernama Juhfah yang kebetulan laluan tersebut boleh menuju ke Mekah kembali. Lalu timbul perasaan cinta dan rindu mendalam terhadap negeri kelahiran baginda iaitu

Mekah. Lalu Jibril menurunkan ayat tersebut untuk menenangkan jiwa Nabi Muhammad.

Kecintaan dan kerinduan Nabi Muhammad terhadap Mekah menunjukkan bahawa ianya adalah fitrah manusia yang sayangkan tempat kelahiran dan tidak salah di sisi Islam. Namun, kecintaan terhadap negara yang bertepatan dengan Islam adalah dengan bertujuan untuk mendaulatkan Islam dan mempertahankan syiar Islam yang diperjuangkan oleh negara. Malah dengan melindungi negara daripada ancaman yang boleh menggugat Islam dan negara merupakan perkara yang harus dan perlu disemat di dalam hati dan sanubari setiap warganegara yang beragama Islam. Sebaliknya, jika mencintai negara membawa kepada perasaan taksub melampau atau menjurus kepada perbuatan ekstrimis, maka ianya dilarang sama sekali di dalam Islam (Azmi, 2016).

Menurut sejarah, terdapat klasifikasi jenis negara menurut perbincangan para ulama` masa silam. Jenis-jenis negara tersebut terbahagi kepada tiga iaitu negara Islam (*dar al-islam*), negara kafir yang berperang dengan Islam (*dar al-harb*) dan negara kafir yang tidak berperang (berdamai) dengan Islam iaitu (*dar al-`ahd*). Skop pendefinisian negara Islam seperti yang ditegaskan oleh al-Fatani (1990) berubah mengikut peredaran zaman yang di mana beliau merumuskan terdapat dua jenis negara Islam iaitu menurut hukum dan sudut realiti. Pertama, negara Islam yang diperintah oleh pemerintah Islam yang mengamalkan sepenuhnya penguatkuasaan hukum dan undang-undang Islam. Manakala yang kedua, negara Islam daripada sudut hukum diperintah oleh orang Islam, namun daripada sudut realiti tidak mampu melaksanakan perundangan Islam secara menyeluruh disebabkan oleh halangan-halangan tertentu. Apa yang mahu ditegaskan di sini mengikut konteks negara Islam, ialah sebuah negara yang mengamalkan secara menyeluruh *syari`at* Islam dan meletakkan Islam sebagai agama pada tempat yang tertinggi. Sesungguhnya, penyemaian semangat cintakan agama merupakan perkara yang rumit kepada rakyat bukan beragama Islam dan tidak menjadi masalah kepada orang Islam.

Dalam hal ini, Islam mempunyai jalan penyelesaian bagaimana untuk mengurus rakyat yang bukan beragama Islam seterusnya menggalakkan perasaan patriotisme kepada negara. Islam mengamalkan konsep kebebasan (*huriyyah*) kepada semua rakyat dengan syarat mempunyai batasan-batasan tertentu. Mereka (non-Muslim) bebas mengamalkan agama dan kepercayaan mereka tanpa sebarang gangguan, prejudis dan diskriminasi dengan syarat tidak sesekali boleh membuat kacau bilau, mengguris perasaan umat Islam melalui provokasi dan pencabaran hak terhadap agama Islam (Abdul Rahman Embong, 2007). Begitu juga dengan orang Islam yang diwajibkan untuk menghormati

orang bukan Islam dan tidak mengganggu hak mereka dan keluarga (Ibrahim & El-Qasimy, 1985).

Semangat patriotisme yang wujud dalam kalangan masyarakat semasa permulaan Islam dahulu berbeza dengan keadaan pada masa kini. Namun, pengajaran daripada sejarah Islam terdahulu boleh memberikan kesan positif terhadap generasi masa kini. Nabi Muhammad menerapkan nilai-nilai patriotisme kepada masyarakat Madinah melalui pelbagai cara samada secara tersurat mahupun tersirat. Hal yang demikian boleh dilihat melalui beberapa siri peperangan menentang kafir Quraisy disebabkan mereka menentang agama Allah dan diwajibkan untuk mempertahankannya. Ia membawa maksud tersurat bahawa wajib mempunyai perasaan cintakan agama dan negara serta melindunginya daripada sebarang ancaman (Sidik, 2004). Maksud tersirat pula dapat dilihat berkenaan kecekapan pentadbiran Nabi Muhammad di Madinah yang memberikan kemaslahatan kepada seluruh masyarakat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama. Hal ini memerlukan timbal balik daripada kalangan rakyat untuk memberikan ketaatan dan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada negara. Dalam erti kata lain ianya merupakan tanggungjawab masyarakat sebagai warganegara yang berdedikasi, jujur serta amanah dalam memberikan yang terbaik kepada negara (Sidik, 2004).

b) Memupuk Semangat Perpaduan dan Persaudaraan Dalam Kalangan Masyarakat

Salah satu syarat untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara adalah dengan memastikan perpaduan dan kesepakatan antara masyarakat di dalam sebuah negara berada dalam keadaan harmoni dan stabil. Perpecahan dan perbalahan dalam masyarakat pula merupakan virus yang akan menyerang kestabilan politik seterusnya melumpuhkan segenap aset dan infrastruktur negara sehingga tumbang (Ibrahim & El-Qasimy, 1985). Nabi Muhammad telah lama mengingatkan seluruh umat manusia supaya menjauhi perpecahan dan perbalahan kerana ianya merupakan tugas utama syaitan. Baginda bersabda:

“Hendaklah kamu semua bersatu dan janganlah kamu berpecah. Sesungguhnya syaitan bersama dengan individu yang keseorangan dan syaitan akan menjauhkan diri daripada dua orang yang bersatu. Barang siapa yang menginginkan tempat yang termulia di dalam syurga, hendaklah dia berpegang kepada kesatuan.”

(al-Tirmizi, 2000, 4: 405)

Konsep ummah yang diperkenalkan sejak zaman permulaan Islam membawa titik perubahan secara total ke atas peradaban manusia sejak berabad sebelumnya (al-Buti, 1999). Hal ini berpunca daripada dakwah tauhid yang telah berjaya menghapuskan sikap fanatik keterlaluan terhadap berpuak-puak setelah sekian lama meracuni masyarakat Arab jahiliyyah sebelum itu (Halim, 2014). Menurut Ibrahim dan El-Qasimy (1985), Kebijaksanaan Nabi Muhammad dalam memperkenalkan konsep ummah telah mengubah sepenuhnya mentaliti kepelbagaian masyarakat Madinah pada ketika itu daripada hidup berpecah belah dan saling bercakaran kepada kesatuan ummah yang memiliki hak dan tanggungjawab bersifat inklusif seperti yang termaktub di dalam fasal kedua piagam Madinah (Embong, 2016). Melalui konsep ummah ini, orang Islam dan Yahudi Bani `Auf diiktiraf kewarganegaraan mereka yang sah sebagai penduduk asal peribumi Madinah. Wargenegara yang lain pula terdiri daripada bangsa Yahudi (Bani Nadir, Bani Qainuqa` dan Bani Quraizah) serta lain-lain daripada kelompok musyrikin (Ibrahim & El-Qasimy, 1985). Disebabkan oleh kemajmukan ini, Nabi Muhammad tenang dan menggunakan pendekatan yang bijak dalam mengharmonikan suasana perpaduan ditunjangkan dengan panduan *syar`i* yang menghasilkan nilai-nilai positif seperti toleransi, kasih sayang, tanggungjawab, keadilan, kebebasan dan sebagainya (Burhanuddin, 2019).

Dalam merealisasikan perpaduan dalam kalangan masyarakat ini memerlukan pendekatan dan kaedah yang betul supaya tidak timbul keraguan dan salah faham antara mereka. Orang Islam digalakkan memainkan peranan penting di samping menjadi agen kepada keindahan ajaran Islam supaya masyarakat bukan Islam boleh tertarik dengan ajaran Islam. Dalam hal ini, Meerangani (2016) telah menukulkan cadangan al-Qardawi terhadap empat kaedah untuk menyuburkan nilai toleransi di dalam keberadaan masyarakat majmuk iaitu:

- a) Setiap Muslim perlu mengiktiraf asas kemuliaan konsep kemanusiaan tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.
- b) Setiap Muslim perlu menerima bahawa perbezaan agama merupakan aturan Allah (*sunnatullah*) bagi membolehkan manusia membuat pilihan untuk menerima atau meninggalkan ajaran berdasarkan kepada kefahaman dan pemikirannya.
- c) Setiap Muslim perlu mengiktiraf hak kebebasan beragama dan tidak melakukan permusuhan dengan orang bukan Islam disebabkan kekufuran mereka.
- d) Setiap Muslim perlu meyakini bahawa melaksanakan keadilan dan menunaikan hak tanggungjawab sesama manusia walaupun berbeza

agama dan budaya merupakan sebahagian daripada undang-undang Islam yang wajib dipatuhi.

c) Mempelajari Asas Ilmu Pertahanan dan Keselamatan

Kekuatan benteng pertahanan negara pada dasarnya dilihat daripada aspek kelengkapan ketenteraan yang merangkumi teknologi persenjataan, bilangan anggota tentera, pengurusan logistik dan pengawalan persempadanan negara. Namun, masyarakat atau warganegara yang tinggal di dalam sebuah negara juga mempunyai peranan tertentu di dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara. Kesiap siagaan masyarakat dan warganegara sentiasa ditagih demi mencapai keamanan dan kesejahteraan. Hal ini kerana persediaan rapi untuk menghadapi sebarang kemungkinan merupakan perkara wajib dan ianya memerlukan pengorbanan dan fokus dalam memperkukuhkan elemen pertahanan negara. Agama Islam mengecam sikap *al-ghaflah* yang bermaksud lalai dan leka sehingga membawa kepada kesan kehancuran dalam diri dan juga agama (Yasin et al., 2014). Sebaliknya Islam menggalakkan untuk sentiasa bersedia dan fokus sepertimana dalam al-Quran surah 'al-Imran:110 dan keseragaman ayat ini turut disokong hujahan dalam al-Quran surah dengan firman Allah:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memberi faedah kepada umat manusia, kerana mengajak kepada kebaikan dan melarang daripada perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.

(‘al-Imran, 3: 110)

Konsep *amr ma`ruf nahi munkar* merupakan elemen penting dalam mempertahankan kedaulatan negara. Perspektif *amr ma`ruf* dilihat daripada aspek kebaikan yang menjurus kepada keamanan dan kedamaian serta keharmonian di dalam negara. Manakala *nahi munkar* pula dilihat daripada sisi kesiap siagaan dalam membanteras musuh negara dikhuatiri mereka akan membawa kemudharatan yang besar seperti keganasan, pembunuhan, masyarakat huru-hara dan sebagainya (Faraj, 1972). Menurut al-Nawawi (1994), kesan daripada penghayatan dan perlaksanaan konsep *amr ma`ruf nahi munkar* ini boleh memberikan nilai-nilai positif antaranya ialah mewujudkan suasana harmoni dan tenang dalam hidup bermasyarakat, sentiasa mengingati Allah, memartabatkan ilmu serta mempertingkatkan tahap keimanan dan sebagainya.

Terdapat juga satu pepatah di dalam Bahasa Latin yang boleh menyokong hujah kesiap siagaan masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan negara iaitu *Si Vis Pacem Para Bellum* yang bermaksud sesiapa yang inginkan keamanan, bersiap sedialah untuk berperang (Fellmeth & Horwitz, 2009). Pepatah tersebut merangkumi keseluruhan aspek masyarakat di dalam sebuah negara tanpa sebarang pengecualian yang di mana keadaan aman merupakan waktu penting untuk mempelajari ilmu untuk mempertahankan agama, diri, keluarga, masyarakat dan negara.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, konsep pertahanan negara dalam sejarah awal Islam merupakan sebuah sistem yang lengkap dan tersusun dalam mengemudi benteng pertahanan negara. Asas pembinaan konsep tersebut tidak lari daripada *pensyari`atan* yang wujud di dalam wahyu Allah dan sunnah Nabi Muhammad yang menekankan kesiap siagaan memelihara kedaulatan negara sebagai manifestasi pemeraksanaan kemaslahatan untuk semua. Diharapkan kajian ini boleh menjadi pemangkin kepada perbahasan faktor-faktor yang lain yang dikira boleh mempengaruhi kekuatan pertahanan negara seperti keutuhan rohani dan jasmani, kekuatan ekonomi, isu-isu keselamatan dan sebagainya.

Selanjutnya, kajian lepas yang dijalankan kurang menekankan faktor dalaman yang mempengaruhi kekuatan konsep pertahanan dalam Islam. Maka, cadangan penulis pada masa akan datang, perbahasan mengenai konsep pertahanan dalam Islam ini wajar dibuat kajian secara lebih mendalam dengan menganalisis data-data klasik secara induktif dan deduktif yang telah diperbahaskan oleh sarjana-sarjana Muslim terdahulu untuk dikaitkan dengan situasi dan keadaan semasa agar ianya relevan dengan realiti konsep pertahanan moden masa kini serta selari dengan tuntutan syarak.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM kerana sudi menebitkan artikel ini bagi memenuhi keperluan pengajian Doktor Falsafah penulis dalam bidang *Siasah Syar`iyyah* di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan kajian ini dilakukan secara ilmiah dan tidak wujud sebarang kepentingan terhadap mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bersama-sama M. Zaidi A. Rahman merangka dan menulis keseluruhan artikel kajian ini. M. Zaidi A. Rahman selaku penyelia PhD penulis banyak memberikan maklumat, input dan pengalaman berguna dalam menulis artikel kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan, Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma`il. (1981). *Sahih al-Bukhari*. (jil.6.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa`id Ramadan. (1999). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Buttush, Yahya Bashir. (2014). *Al-Takhtit al-'Askari fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Terj. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Al-Fatani, Isma`il Lutfi. (1990). *Ikhtilaf al-Darain wa 'Atharuhu fi 'Ahkam al-Munakahat wa al-Mu`amalat*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Ghadban, Munir Muhammad. (1990). *Al-Manhaj al-Haraki `Ala al-Sirah al-Nabawiyyah*. Jordan: Maktabah al-Manar.
- Al-Mawardi, Abu Hasan `Ali Ibn Muhammad Ibn al-Habib. (2006). *Al-'Ahkam al-Sultaniyyah*. ed. Ahmad Jad. Kaheerah: Dar al-Hadith.
- Al-Mubarak, Malik Abdul Azeez. (1997). *Warfare in Early Islam*. (Disertasi kedoktoran). The University of Glasgow.
- Al-Nasa`i, `Abd al-Rahman Ahmad Ibn Syu`ib Ibn `Ali. (2001). *Sunan al-Kubra li al-Nasa`i*. (jil. 7.). Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya. (1994). *Kitab al-'Azkar. `Abd al-Qadir al-'Arna`ut*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa Falsafatihi fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. (jil. 3.). Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ibn al-'Ansari. (1990). *Tafsir al-Qurtubi: Al-Jami` li Ahkam al-Qur'an*. (jil. 8.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shirazi, Ibrahim Ibn `Ali Ibn Yusuf al-Fairuz `Abadi. (1995). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-'Imam al-Shafi'i*. ed. Zakariya `Amirat. (jil. 3.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir. (t.t). *Tarikh al-'Umam wa al-Muluk*. (jil. 4.). Kaheerah: Al-Matba`at al-Husainiyyat.
- Al-Tirmizi, Muhammad Ibn `Isa Ibn Surah. (2000). *Sunan al-Tirmizi*. (jil. 4.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Waqidi, Muhammad Ibn `Umar. (2001). *Kitab al-Tarikh wa al-Maghazi*. Damsyik: Sharikat al-Misriyyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2014). *Al-Tafsir al-Munir fil 'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. (jil. 5.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Amir, Ahmad Nabil. (2009). Sistem Politik Islam di Zaman Nabi Muhammad S.A.W. *Jurnal Usuluddin*, 29.
- Armush, A. R. (1991). *Qiyadat al-Rasul Sallallahu `Alaihi Wasallam: Al-Siyasah wa al-`Askariyyah*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Azmi, A.S. Penilaian Hadith: *Mencintai Negara Adalah Sebahagian Dari Iman*. Laman sesawang Majlis Ulama Isma MUIS <https://muis.org.my/2016/08/penilaian-hadith-mencintai-negara-adalah-sebahagian-dari-iman/>
- Embong, Zaleha. (2016). Nilai-Nilai Universal Dalam Piagam Madinah dan Peranannya Dalam Membentuk Hubungan Kerjasama Dalam Masyarakat Majmuk. *Makalah, Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS)*.
- Fadzil, A. A. (2001). *Jihad Peperangan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada Sdn. Bhd.
- Faraj, Muhammad. (1972). *Fann Idarat al-Ma`rakah fi al-Hurub al-Islamiyyah*. Qahirah: Sharikat al-Misriyyah.
- Faris, Abu Muhammad `Abdul Qadir. (1993). *Al-Madrasah al-Nabawiyyah al-`Askariyyah*. `Amman: Dar al-Furqan.
- Fellmeth, Aaron X. & Horwitz, Maurice. (2009). *Guide to Latin in International Law*. Oxford: Oxford University Press.
- Halim, Ab Asyiqin (2014). Ibn Khaldun's Theory Of 'Asabiyyah and The Concept of Muslim Ummah. *Journal of al-Tamaddun*, 9 (1).
- Ibn al-Athir, al`Izz al-Din. (2000). *Usd al-Ghabah fi Ma`rifat al-Sahabah*. (jil. 3.). Qahirah: Jam`iah al-Ma`arif.
- Ibn Hajar, Al-`Asqalani, Ahmad `Ali. (2003). *Fath al-Bari Sharhu Sahih al-Bukhari*. (jil.6.). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Hisham, `Abd al Malik. (2013). *Al-Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Ishaq, Muhammad. (2004). *Al-Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Ishaq*. ed. Ahmad Farid al-Mazidi. Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Isma`il. (2001). *Ghazwah al-Rasul*. Mansurah: Dar al-Manarah.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. (1993). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, Abu Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukrim. (1993). *Lisan al-`Arab*. (jil. 7.). Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Qutaybah, `Abdullah Ibn Muslim. (2002). *Kitab `Uyun al-Akhbar*. (jil. 1.). Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Ibrahim, Ahmad dan El-Qasimy, Dzafir. (1985). *Piagam Madinah: Pandangan dan*

Ulasan. Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.

- Ibrahim, Lukman & Rozali, Ermy Azziaty. (2017). Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan Dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. *International Journal of West Asian Studies*, 9 (1).
- Jamsari, E. A., Yaacob, S. Edawati & Ashari, M. Z. A. H. (2013). Rentetan Peperangan Dalam Kitab Al-Bidayah Wa Al-Nihayah Karya Ibn Kathir Al-Dimashqi. *Journal of al-Tamaddun*, 8 (2).
- Khattab, M. S. (2007). *Al-Rasul al-Qa'id*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din. (1985). *Al-'Askariyyah al-Islamiyyah: Nahdatuna al-Hadariyyah*. Makkah: Idarah al-Sahafah wa al-Nasyr.
- Meerangani, K. A. (2016). *Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non-Muslim di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam*. (Disertasi kedoktoran). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Burhanuddin. (2019). Conflict Mapping Piagam Madinah: Analisa Latar Belakang Sosio-Kultural Piagam Madinah. *Jurnal al-Ijtimaiyyah*, 5 (2).
- Muslim, Ibn al-Hajjaj. (1990). *Sahih Muslim*. (jil. 3.). Beirut: Dar 'Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Naim, Mohamed Asmadi dan Kamaruddin, Mas Juliana. (2003). Membina Patriotisme Pelajar Melalui Pendidikan Islam: Satu Kajian Empirikal Terhadap Pelajar IPTA. *Makalah, Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 19-21 Oktober.
- Qutb, Syed. (2003). *Fi Zilal al-Qur'an*. (jil. 6.). Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Rabbih, Abdul Abdul Hafiz. (1982). *Falsafah al-Jihad fi al-Islam*. Beirut: Maktabah al-Madrasah.
- Rahman, Abdul Muhamad Zaidi. (2018). Falsafah Politik Islam: Tawaran Islam Untuk Kelestarian Ummat Abad Ke-21. *Makala, Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-10* anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Salleh, Subhi dan Khalid, Osman. (1996). *Sistem Sosial dan Pertahanan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Sidik, Roziah. (2004). *Genius Muhammad Bin Abdullah*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Stapa, Zakaria, Yusuf, Noranizah & Shaharudin, Abdul Fatah. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition UKM*.
- Yasin, Redwan, Ab Ghani, Sayuti dan Jalal, Burhanuddin. (2014). Aplikasi Kualiti Kepimpinan Rasulullah S.A.W. Dalam Pembentukan Jati Diri Dakwah Masa Kini. *International Journal of Quranic Research UM*, 6 (1).
- Zahiri, Muhammad Ibn Muslim. (1981). *Al-Maghazi al-Nabawiyyah*, Damsyik: Dar

al-Fikr.

Zainal Anwar Abidin & Wan Kamal Mujani. (1999). *Sirat al-Rasul & Khulafa' al-Rashidun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamani, A. (1991). *Buhuth Hawla al-Nizam al-'Askari fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Islamiyyah.

Temubual

Kolonel Prof. Madya Dr. Burhanuddin Jalal. Pensyarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia/bekas pegawai KAGAT. 17 November 2020.

ONLINE FIRST